

# TAKAFULINK DANA AKTIF

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated


Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Aktif aims to provide capital appreciation by investing in small market capitalisation Shariah-compliant securities of companies with growth potential.

Takafulink Dana Aktif bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam permodalan pasaran kecil melibatkan sekuriti syarikat-syarikat yang patuh Syariah dan berpotensi untuk berkembang.

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



## Asset Allocation Peruntukan Aset


|                                    | % NAV |
|------------------------------------|-------|
| 1 United-i Malaysia Discovery Fund | 98.87 |
| 2 Cash, Deposits & Others          | 1.13  |

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

|   |                               |
|---|-------------------------------|
| Investment Manager / Pengurus Pelaburan                     | Prudential BSN Takaful Berhad |
| Inception Date / Tarikh Diterbitkan                         | 30/10/2018                    |
| Current Fund Size / Saiz Dana Terkini                       | RM8,423,176.21                |
| Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan | 1.50% per annum               |
| Current NAV / NAB Terkini                                   | RM1.22987                     |

## How the Fund has performed / Prestasi Dana

**Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana**  
Takafulink Dana Aktif Vs. 40% FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah Index (FBMS) + 60% FTSE Bursa Malaysia MidS Cap Shariah Price Return Index



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

|                                     | 1 month | 3 months | 6 months | 1 year | 3 years | 5 years | Since Inception |
|-------------------------------------|---------|----------|----------|--------|---------|---------|-----------------|
| Price Movement / Pergerakan Harga   | -2.95%  | -1.70%   | -4.02%   | -3.82% | 12.61%  | 5.08%   | 22.99%          |
| Benchmark / Penanda Aras            | -1.78%  | 0.56%    | 1.66%    | 1.26%  | 5.48%   | -5.50%  | 28.99%          |
| Outperformance / Perbezaan Prestasi | -1.17%  | -2.26%   | -5.68%   | -5.08% | 7.13%   | 10.58%  | -6.00%          |

# TAKAFULINK DANA AKTIF

All information as at 28 February 2026 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 28 Februari 2026 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equities

#### Market Review

Global equities were flat in February, marked by heightened geopolitical tensions and divergence in performance across regions. Emerging market outperformed developed markets amidst a weak USD. Gold and other precious metals gained. The domestic market had a negative bias with the FBM EMAS Shariah Index closing the month 0.5% lower, while the FBM MidS Cap Shariah Index shed 2.6% for the month. Foreign investors remained net buyers of Malaysian equities for the second consecutive month, with YTD net buy position at RM1.2bil. The best performing sectors for the month were transportation and property. Laggard sectors were industrials and telecommunications.

#### Market Outlook

The Iran war is generally negative for equity markets in the short term due to rising uncertainty and geopolitical risk premium while a spike in oil prices has negative implications for inflation and monetary policy. The Target Fund Manager is hopeful that the conflict is not protracted given that it is politically unpopular in the US and there are negative implications on inflation/cost of living ahead of US mid-term elections. Historical data suggests that markets can rebound when the geopolitical event is over. They are monitoring the situation, which admittedly is fluid, for investment opportunities in a sell-down. Amidst the volatility, the Target Fund Manager believes that Malaysia could be relatively more resilient due to its defensiveness, low foreign shareholding, domestic liquidity support and it is less vulnerable to oil shocks.

#### Fund Review and Strategy

The Fund returned -2.95% for the month, underperforming the benchmark return of -1.78% by 1.17%. Year-to-date, The Fund returned -3.50%, underperforming the benchmark return of -0.34% by 3.16%. The Target Fund Manager's strategy remains focused on core positions in domestically oriented companies, which are less exposed to global uncertainties.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Ekuiti global mendatar pada bulan Februari, ditandai dengan ketegangan geopolitik yang meruncing dan perbezaan prestasi di semua rantau. Pasaran memuncuk mengatasi pasaran maju di tengah-tengah USD yang lemah. Emas dan logam berharga yang lain meningkat. Pasaran domestik cenderung kepada negatif dengan Indeks FBM EMAS Shariah menutup bulan ini 0.5% lebih rendah, manakala Indeks FBM Mid Small Cap Shariah susut 2.6%. Pelabur asing kekal sebagai pembeli bersih ekuiti Malaysia bagi bulan kedua berturut-turut, dengan kedudukan belian bersih YTD pada RM1.2 bilion. Sektor yang berprestasi terbaik pada bulan tinjauan ialah pengangkutan dan hartanah. Sektor yang ketinggalan pula ialah perindustrian dan telekomunikasi.

#### Gambaran Bulanan

Perang Iran secara amnya negatif buat pasaran ekuiti dalam jangka pendek disebabkan oleh peningkatan ketidakpastian dan premium risiko geopolitik manakala lonjakan harga minyak memberi implikasi negatif terhadap inflasi dan dasar monetari. Pengurus Dana Sasaran berharap konflik ini tidak berlarutan memandangkan secara politik ia tidak popular di AS dan terdapat implikasi negatif terhadap inflasi/kos sara hidup menjelang pilihan raya pertengahan penggal AS. Data sejarah menunjukkan bahawa pasaran berupaya pulih apabila peristiwa geopolitik berakhir. Pengurus sedang memantau situasi yang diakui masih tidak menentu ini, bagi mencari peluang pelaburan semasa aktiviti penjualan besar-besaran berlaku. Di tengah-tengah volatiliti, Pengurus Dana Sasaran percaya bahawa Malaysia boleh menjadi lebih berdaya saing disebabkan oleh kebertahanannya, pegangan saham asing yang rendah, sokongan kecairan domestik dan kurang rentan kepada kejutan minyak.

#### Tinjauan dan Strategi Dana

Dana mencatat pulangan -2.95% pada bulan ini, tidak mengatasi pulangan penanda aras -1.78% dengan perbezaan 1.17%. Sejak awal tahun sehingga bulan tinjauan, Dana mencatat pulangan -3.50%, tidak mengatasi pulangan penanda aras -0.34% dengan perbezaan 3.16%. Strategi Pengurus Dana Sasaran tetap bertumpu pada pegangan teras dalam syarikat berorientasi domestik, yang kurang terdedah kepada ketidakpastian global.

Source / Sumber: Fund Commentary, February 2026, UOB Asset Management (Malaysia) Berhad

### Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL